

Status GSP: Malaysia perlu lebih masa

Oleh P. BALA KUMAR

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Malaysia akan merayu kepada Kesatuan Eropah (EU) untuk memberi masa yang lebih lama sebelum menarik balik status penerima Skim Keutamaan Am (GSP) kesatuan berkenaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Malaysia belum lagi bersedia menghadapi persaingan dalam pasaran terbuka kerana ia masih merupakan sebuah negara membangun dan tidak mempunyai kelebihan untuk menghadapi sebarang persaingan.

"Kita masih lagi merupakan sebuah negara membangun dan tidak mempunyai persaingan kompetitif seperti negara-negara maju, negara maju mempunyai modal yang banyak, mempunyai pasaran domestik yang besar, mempunyai teknologi tinggi dan kepakaran dalam pemasaran.

"Sedangkan kita baru sahaja

hendak masuk dalam bidang industri pembuatan dan oleh itu kelebihan yang ada pada kita hanyalah kos buruh yang rendah disebabkan oleh kos hidup yang rendah," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Tahun Baru Cina di kediaman Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di sini, hari ini.

Utusan dalam laporan eksklusif muka depan semalam melaporkan status Malaysia sebagai penerima GSP EU akan berakhir sepenuhnya pada Disember 1997.

Selepas tarikh berkenaan semua eksport Malaysia ke pasaran Eropah tidak lagi akan diberi pengecualian cukai atau keistimewaan duti import yang rendah seperti mana yang dinikmati sejak 20 tahun lalu.

Bermula 1 Januari 1995 sehingga 1997, secara beransur-ansur kedudukan Malaysia sebagai negara

■ Lihat muka 2

Status GSP: Malaysia perlu lebih masa

GSP akan dihapuskan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan sedar bahawa status itu akan ditarik balik pada suatu hari nanti dan menasihati para usahawan supaya bersedia menghadapi situasi berkenaan.

"Kita tidak boleh mengharapkan sangat layanan yang istimewa, kita mesti belajar bagaimana untuk berniaga dalam keadaan biasa dan bukan dalam keadaan di mana kita diberi kemudahan.

"Kerajaan bersedia (untuk menghadapi penarikan balik GSP) tetapi orang yang berniaga juga harus bersedia... kita (kerajaan) tidak boleh buat apa-apa," tambahnya.

Ditanya apakah Amerika Syarikat akan mengikut langkah yang diambil oleh EU, beliau berkata, Amerika akan sentiasa mencari alasan untuk menarik balik status berkenaan.

"Saya yakin mereka tidak akan layan kita terlalu lama, mereka akan cari alasan untuk menarik balik segala kemudahan walaupun mereka sentiasa kata bahawa mereka bukan sekumpulan masyarakat yang tertutup," katanya.

Perdana Menteri turut menolak dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa Malaysia mengamalkan dasar perlambakan di Eropah.

Kata beliau, barangan Malaysia hanya dipasarkan seperti biasa di Eropah memandangkan pasaran tempatan di negara ini sangat kecil.

Ditanya adakah Malaysia akan mengenakan sekatan seumpama itu kepada barangan yang datang dari Eropah dan Amerika, Dr. Mahathir berkata, "kalau kita sekat pun kesannya tidak begitu banyak."

Mengenai inflasi Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa memberi perhatian serius kepada inflasi dan tindakan itu banyak membantu dalam pengurangan kos.

"Kalau kita fikir kita

boleh dapat duit banyak dengan menaikkan harga, akhirnya duit yang kita dapat itu tidak boleh membeli apa-apa kerana harga barangan lain pun akan naik," katanya.

Turut hadir pada majlis rumah terbuka itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar.